

Pelbagai slot telah diatur sepanjang 3 hari bengkel iaitu Penyediaan Anggaran Belanja Hasil dan Aktiviti, Penyediaan Anggaran Belanja Umum & Penyelenggaraan, Penyediaan Bajet Keseluruhan 2012 dan Pembentangan Bajet setiap Bahagian dan Pusat.

Bengkel yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) UUM, Datuk Dr. Ahmad Faiz Hamid dan Pengarah Jabatan Hal Ehwat Pelajar UUM, Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar Hj. Mohd Harif juga membincangkan almanak HEP 2012 selain Perancangan Bajet HEP 2012.

TNC HEPA dalam ucapannya, mengingatkan semua warga HEP agar sentiasa peka dengan teguran-teguran dari pihak audit dalam hal berkaitan pengurusan kewangan.

Penyediaan bajet oleh Majlis Pengetua, Pusat dan Bahagian dibentangkan secara menyeluruh oleh peserta, yang akhirnya menghasilkan cadangan bajet aktiviti, bajet pengurusan dan juga penyelenggaraan bagi tahun 2012.

Pengetua DPP Proton, Mazli Mutazam, melahirkan rasa gembira kerana semua Pengetua DPP dan Ketua-ketua Unit diberi peluang terlibat secara langsung dalam penyediaan bajet HEP 2012 yang bermatlamat untuk memantapkan lagi aktiviti pembangunan pelajar mengikut perancangan tahunan yang telah digariskan.

"Melalui perbincangan yang dijalankan, dapat memberi ruang kepada semua pegawai untuk memberikan pendapat bagi permasalahan berkaitan pengurusan bajet semasa terutamanya di DPP yang melibatkan pengurusan pelajar," katanya.
habis

=====
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
06010 UUM SINTOK, KEDAH
TEL : 04 - 928 3205 / 928 3208 / 3209 / 3210
FAKS : 04 - 928 3216